

JPA laksana 5 pelarasan, semakan sejak 1992

BIT-27/9/2006

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan pihaknya membuat lima pelarasan dan semakan gaji sejak 1992 yang membolehkan pelbagai peringkat kakitangan kerajaan, termasuk kumpulan sokongan.

Ketua Unit Komunikasi Korporat JPA, Hasniah Rashid berkata gaji permulaan paling rendah dalam perkhidmatan awam kini ialah RM480.85 sebulan, manakala maksimum bagi kumpulan itu ialah RM1,231.05 sebulan.

"Bagaimanapun, pendapatan minimum sebenar penyandang jawatan terbabit ialah RM780.85 sebulan dan maksimum RM1,501.05 sebulan selepas dicampur imbuhan tetap," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Semalam, *Berita Harian* melaporkan lebih 200,000 kakitangan awam daripada kumpulan sokongan dan rendah dikatakan masih mendapat gaji minimum RM480.85 sebulan kerana kadar itu tidak pernah disemak sejak Skim Saraan Baru (SSB) diperkenalkan pada 1990.

Hasniah berkata, gaji skim perkhidmatan itu sudah disemak dan dilaras sejak 1992 hingga kini, membolehkan peningkatan 48 peratus bagi gaji minimum dan 71 peratus untuk gaji maksimum.

Sementara itu, katanya, jumlah penyandang bagi skim perkhidmatan terbabit ialah 4,008 orang.

Berdasarkan semakan dan pelarasan gaji di bawah SSB pada 1 Januari 1992, JPA membuat pembentukan Jadual Gaji Matriks mengikut Klasifikasi dan Skim Perkhidmatan.

Sementara itu, JPA membuat pelarasan saraan bagi anggota SSB yang memperlihatkan peningkatan gaji dalam bentuk kuantum sebanyak RM60 sebulan bagi kakitangan sokongan selain ketetapan kenaikan gaji tahunan RM25.

Pada 1 Januari 2000 pula, JPA melaksanakan pelarasan gaji perkhidmatan awam yang memperlihatkan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus secara keseluruhan dan langkah sama dibuat sekali lagi pada 1 Januari 2002.

JPA juga menjelaskan, sejajar pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) pada 1 November 2002, ia mengumumkan peningkatan gaji dalam bentuk kuantum sebanyak RM15 sebulan kepada kakitangan sokongan.

Katanya, JPA juga menetapkan supaya setiap jadual gaji ditambah satu lagi tangga gaji maksimum.

Sementara itu, ketika dihubungi semalam, Hasniah berkata, JPA mempunyai prinsip penentuan kadar gaji minimum kakitangan kerajaan yang antara lain merangkumi kelayakan dan jenis pekerjaan yang setimpal dengan pendapatan seperti ditetapkan SSM.

Katanya, pakej saraan perkhidmatan awam merangkumi tiga komponen penting iaitu gaji pokok, elaun dan kemudahan yang dinikmati kakitangan pelbagai peringkat.

"Dari aspek penentuan kadar gaji, ada prinsip yang perlu dipatuhi seperti kadar upah untuk pekerjaan. Jika seseorang menduduki jawatan yang kompleks atau berat, maka bertambahlah kadar upah yang diterimanya setiap bulan," katanya.